

## **Filem seram tempatan: menelusuri perubahan kepercayaan masyarakat Melayu**

### **ABSTRAK**

Kepercayaan mistik masyarakat Melayu secara umumnya terdiri daripada tiga aspek kepercayaan iaitu tradisi, pegangan agama dan popular. Namun begitu, aspek lain seperti perubahan dalam sains dan teknologi, sistem sosial, ekonomi dan politik turut mempengaruhi kepercayaan mistik masyarakat Melayu. Hal ini jelas dilihat menerusi representasi kebudayaan dan agama dalam filem bergenre seram tempatan yang semakin hilang cerminan akar Melayunya. Ironinya, menerusi filem-filem bergenre seram dari Asia Timur, kebudayaan dan agama dijadikan tunjang menghidupkan simbol dalam merepresentasikan halhal seram yang ingin ditonjolkan kepada penonton. Makalah ini membincarakan bagaimana berlakunya transformasi kepercayaan mistik masyarakat Melayu yang menghasilkan sebuah kepercayaan seram semasa. Perbincangan bertumpu kepada tiga fasa kitaran filem Melayu bergenre seram iaitu fasa pertama (1957-1967), fasa kedua (1980-1990) dan fasa ketiga (2001-2011).

**Katakunci:** Kepercayaan mistik; Masyarakat Melayu; Representasi; Filem seram tempatan; Transformasi